

TEKS PERASMIAN

**YBHG. DATO' HJ ABDUL FATTAH HJ
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

MAJLIS PERASMIAN

**MESYUARAT AGUNG PERMULAAN
PENUBUHAN KOPERASI MASJID AS-
SOBIRIN AMPANG BHD (KoMAS)**

**7 JANUARI 2017, 9.30 PAGI, DEWAN
SOLAT, MASJID AS-SOBIRIN**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi

Ta'alla Wabarakatuh, Salam

Sejahtera dan Salam 1 Koperasi

YBhg. Dato' Hj. Adzmy Abdullah,
Pengerusi Jawatankuasa Penaja
KoMas

YBhg. Barisan Ahli Jawatankuasa
Penaja KoMas

Dif-Dif Jemputan Khas, Dato-Dato,
Datin-Datin, Tuan -Tuan dan Puan-
Puan Yang Dihormati Sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama dalam majlis pada pagi ini. Saya ingin merakamkan ucapan

terima kasih kepada Pengerusi dan
Barisan Ahli Jawatankuasa KoMAS
kerana mengundang saya,
merasmikan Mesyuarat Agung
Permulaan Penubuhan KoMAS.

2. Saya, secara peribadi berasa bangga dengan inisiatif Jawatankuasa KoMAS menubuhkan koperasi masjid dalam usaha untuk menjalankan aktiviti secara bersama dan

meningkatkan taraf ekonomi dan sosial komuniti setempat. Usaha ini, selaras dengan fokus Kerajaan yang mahu memperkasakan agenda penubuhan 7 koperasi komuniti melibatkan – koperasi

taman perumahan, koperasi rumah ibadah (termasuk masjid), KOBERA, orang asli, OKU, pelajar dan petani/nelayan/penternak.

3. Menerajui gerakan koperasi seperti ini bukanlah satu usaha yang mudah tetapi itulah semangat koperasi – didasari dengan falsafah kerjasama. Tanpa semangat kerjasama sesama Anggota

Lembaga dan anggota-anggota koperasi, ia bukan dinamakan koperasi. Melalui Koperasi ini, kita boleh membina jaringan (*networking*), memberikan komitmen serta bersatu menerusi

matlamat yang utama iaitu menjaga kebajikan sesama anggota-anggota.

4. Tahniah diucapkan kepada saudara/saudari sekalian yang

telah menjadi perintis dalam
membawa aspirasi KoMAS
mencapai matlamat yang
ditetapkan.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

5. Ketertarikan masyarakat kita untuk menubuh dan mengembangkan koperasi semakin meningkat. Ini dibuktikan dengan

bilangannya yang semakin meningkat. Berdasarkan statistik SKM sehingga Jun 2016, bilangan koperasi melebihi 13,000 buah dengan keahlian melebihi 7 juta orang, aset melebihi RM125 bilion

dan perolehan melebihi RM20 bilion. Pada 2015 perolehan koperasi dijangkakan berjumlah RM37.05 bilion. Perkembangan positif ini menunjukkan masyarakat kita semakin menerima koperasi

sebagai salah satu kegiatan yang boleh meningkatkan ekonomi.

6. Koperasi adalah organisasi perniagaan yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam pelbagai

bidang seperti perniagaan-
perniagaan lain. Apa yang unik,
koperasi digerakkan oleh anggota-
anggota bukannya pelabur atau
pemodal. Melalui keanggotaan
dalam koperasi, masyarakat

mendapat pelbagai kemudahan disediakan koperasi.

7. Pada era globalisasi ini, perniagaan koperasi mampu bertahan lebih kuat berbanding

perusahaan lain. Di Eropah, ada koperasi yang sukses bertahan ketika Benua Eropah dilanda krisis kewangan. Aktiviti koperasi tetap berjalan sedangkan syarikat-syarikat lain banyak yang 'gulung

tikar'. Hal yang sama berlaku di negara kita, koperasi lebih unggul dan mampu bertahan menghadapi krisis ekonomi.

8. Suatu fakta yang menarik, koperasi berjaya bertaraf dunia, anggota-anggotanya lebih sejahtera dan mampu bersaing menghadapi globalisasi, contohnya koperasi Danish Crown,

koperasi penternakan dan pemotongan daging di Denmark, Groupe Banques Populaire, koperasi bank terbesar di Perancis. Di Asia, koperasi yang semakin besar dan berjaya di antaranya

Amul Dairy Cooperative yang
mengusahakan pengeluaran susu
di India dan Fonterra Cooperative
Group di New Zealand.

9. Koperasi yang berjaya ini, kekuatan utamanya berlandaskan anggota-anggotanya, kegiatannya berteraskan “roh” koperasi. Sifat koperasi tidak hilang walaupun semakin berjaya malah

“roh” itulah yang menjadikannya semakin kuat dan berkembang. “Roh” koperasi berlandaskan “dari anggota untuk anggota”. Koperasi yang berjaya ini, sehingga sekarang dipegang oleh anggota-

anggotanya, semua anggotanya bergabung aktif mengusahakan koperasi, malah sangat setia dan bertanggungjawab serta memiliki keanggotaan yang sangat baik. Koperasi berkembang kerana

sumber manusia yang kompeten, setia dan bertanggungjawab. Aset keanggotaan seperti inilah yang menjadikan koperasi terus mampan.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

10. Menyadari pentingnya
perniagaan koperasi dalam
meningkatkan pendapatan
anggota-anggota dan pentingnya

setiap institusi yang terlibat
memainkan peranan dalam
membangunkan perniagaan
koperasi, ANGKASA tidak pernah
surut mengikhtiarkan usaha ini
selaras dengan tanggungjawab

yang diamanahkan kerajaan melalui Deklarasi Putrajaya – yang memberi peranan kepada ANGKASA untuk menjalankan peranan ini.

11. Selaras dengan itu, ANGKASA telah mengambil langkah strategik misalnya mewujudkan sektor peneraju bagi membolehkan setiap bidang keberhasilan utama koperasi difokuskan untuk

dibangunkan dan dimajukan
secara menyeluruh melalui
penglibatan pakar, koperasi-
koperasi yang berjaya dan institusi-
institusi yang terlibat. Terdapat 8
sektor difokuskan yang diselaraskan

dengan digariskan Dasar Koperasi Negara (2011-2020). Misalnya melalui Sektor Komuniti, ANGKASA telah berjaya mengembangkan perniagaan koperasi sekolah melalui program peruncitan

koperasi sekolah. Setakat ini, 3 buah koperasi sekolah telah memperoleh pendapatan lebih sejuta. Pada tahun ini, dijangkakan akan bertambah 10 buah dan menjelang 2020, ANGKASA mensasarkan 50

buah koperasi memenuhi sasaran ini.

12. Bagi koperasi kariah masjid, ANGKASA menekankan dua perkara iaitu penubuhan dan

pembangunan. Melalui hasil usaha ANGKASA 409 buah koperasi kariah masjid telah didaftarkan dan 483 buah masih dalam penubuhan. Koperasi-koperasi yang telah didaftarkan akan dibimbing dan

dibantu untuk membangunkan
perniagaan mereka. Setakat ini,
ANGKASA telah membantu
koperasi kariah masjid As Salam,
Puchong dan dua koperasi kariah
dalam membekalkan produk sejuk

beku melalui MyANGKASA Food MyANGKASA Holding, anak syarikat milik penuh ANGKASA.

13. Sehingga kini, MyANGKASA Holding telah menubuhkan

MyANGKASA Bina iaitu syarikat yang memberi tumpuan kepada pembangunan hartanah.

MyANGKASA Farmasi akan mewujudkan rangkaian farmasi dan kedai mega farmasi.

MyANGKASA Dialisis kini ada dua pusat dialisis di Termeloh dan bakal dibuka di Kangar. MyANGKASA Amanah menawarkan perkhidmatan pentadbiran harta pusaka, pembahagian harta

sepencarian dan urusanniaga
berkaitannya. Melalui usahasama
MyANGKASA Service, KOPETRO
Travel dan Tours dan Rakyat Travel
telah melaksanakan program
umrah.

14. ANGKASA telah juga mengambil inisiatif bekerjasama dengan SIRIM untuk meningkatkan kualiti produk-produk koperasi melalui Program 100 Champion. Buat pertama kalinya, 25 produk

koperasi 100 Champion telah dipamerkan di Sidang Kemuncak Koperasi Antarabangsa di Quebec City, Kanada pada Oktober 2014 yang mendapat perhatian menggalakkan koperasi negara-

negara Eropah, Afrika dan Asia Pasifik. Sekarang ini, kita sedang berusaha membawa produk-produk koperasi menembusi pasaran ASEAN dengan terlaksananya Komuniti ASEAN

menerusi ACO (ASEAN Cooperative Organization) yang diterajui saya, selaku Presiden.

15. ANGKASA akan terus berusaha mencari jalan untuk

membantu membangun
perniagaan koperasi. kejayaan
gerakan koperasi tidak dijayakan
satu koperasi tetapi oleh seluruh
koperasi di Malaysia. Pencapaian
DKN yang mensasarkan perolehan

koperasi menyumbang RM50 bilion kepada KDNK memerlukan komitmen semua koperasi di Malaysia. Kejayaan akan tercapai apabila kita bekerjasama dan bersatu.

16. Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas jemputan ini. Saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim merasmikan

**Mesyuarat Agung Permulaan
Penubuhan Koperasi Masjid As-
Sobirin Ampang Bhd (KoMAS).**

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.